

19 DEC 2003

Sukan-Permotoran (MSS)

SUKAN PERMOTORAN TEMPATAN TIDAK BOLEH HIDUP JIKA TIDAK BERDISIPLIN

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Sukan Permotoran Malaysia tidak boleh hidup jika ramai daripada pemandu dan krew mereka memilih untuk terus tidak berdisiplin, kata Pengerusi Litar Antarabangsa Sepang (SIC) Datuk Mokhzani Mahathir.

"Sikap negatif ramai pemandu dan krew mereka adalah sangat mendukacitakan kerana kerajaan dan rakannya bekerja keras untuk memajukan sukan itu di negara ini," kata beliau pada ucapan yang dibacakan Pengurus Besar SIC Ahmad Mustaffa pada majlis penyampaian hadiah Kejohanan Malaysian Super Series 2003 (MSS) di sini.

MSS yang diperkenalkan tahun lepas oleh SIC bertujuan memajukan sukan permotoran di Malaysia dengan menyediakan lebih banyak pertandingan untuk pemandu tempatan dan pasukan pelumba.

Beliau berkata bahawa disiplin merupakan kunci utama tetapi adalah mendukacitakan adanya kekurangan disiplin di kalangan pemandu dan krew mereka yang jelas ditunjukkan pada perlumbaan tahun ini.

Sementara menghargai komitmen para peserta pada MSS, Mokhzani berkata ia memerlukan perubahan dan pendekatan yang lebih menakjubkan.

"Kita perlu terus mengekalkan kesungguhan dan semangat pertandingan di kalangan peserta, sudah tentunya memerlukan sedikit perubahan," kata beliau.

Sementara itu johan Supersixteen, Eddie Lew berkata bahawa penguasaannya pada siri itu akan membuka pintu kepada beliau untuk kariernya pada peringkat antarabangsa.

"Hasrat saya ialah untuk bertanding pada Asian Touring Car Championship dan cabaran Supercar Championship."

Eddie, 30, merupakan pemenang pada pelancaran Proton Satria GTI gelaran kebangsaan dua tahun lepas dan memperolehi senarai gelaran yang banyak termasuk pemenang Sepang 12-hours Merdeka Millenium Endurance race pada 2001.

Pada MSS 2003, Eddie memenangi lima daripada enam pusingan, penyertaannya pada musim ini pada siri 1600cc dan mencapai gelaran keseluruhan dengan satu lagi pusingan dengan 115 mata.

"Saya harap untuk mengikuti jejak Albert Poon. Walaupun berusia 70 tahun, beliau masih lagi berlumba dan menang," kata Eddie mengenai pelumba veteran dari Hong Kong itu, yang tidak asing pada litar Shah Alam dan Pasir Gudang, Johor.

KEDUDUKAN KESELURUHAN

SUPERCAR - Jimmy Low (Honda Civic)

SUPERSIXTEEN - Eddie Lew (Honda Civic)

PROTON SATTRIA GTI - Faidzil Alang

PROTON PRODUCTION 1800cc - Hafizy Hafiz

PROTON PRODUCTION 1600cc - Suresh Adekkapachi

PRODUCTION BIKE - Iswan Azim Salihin

SUPERBIKE (OPEN) - Brent Odgers

SUPERBIKE (NOVICE) - Choong Chee Leong

-- BERNAMA

FA AT BK